

20 SEP 1998
Anwar-masjid
ANWAR BERPIDATO DI MASJID NEGARA

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim petang ini berpidato tentang reformasinya di Masjid Negara, di hadapan ribuan para penyokongnya.

Anwar dan isterinya Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail tiba di perkarangan masjid pada kira-kira pukul 4.45 petang, dan Ketua Pemuda Umno Negeri Sembilan Ruslan Kassim meminta orang ramai memberikan laluan kepada Anwar dan isterinya untuk naik ke masjid.

Ruslan juga meminta orang ramai berselawat ke atas Nabi, dan kedengaran laungan takbir "Allahuakbar", dan laungan "reformasi" daripada para hadirin.

Dari anjung masjid, yang berhadapan dengan Pusat Islam, Anwar melambai-lambaikan tangan kepada orang ramai yang hadir.

Wan Azizah kemudian memberi ucapan ringkas sebelum Anwar tampil berucap selama kira-kira setengah jam.

Anwar menyampaikan ucapannya yang tertumpu kepada kecaman-kecaman terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Anwar dalam ucapannya antara lain mengulangi cabarannya supaya Dr Mahathir berundur, dan Anwar berkata para penduduk di Kubang Pasu, Kedah telah menjemputnya untuk memberikan ceramah pada malam esok.

Setelah selesai berucap Anwar dan para penyokongnya berarak ke Dataran Merdeka, yang terletak tidak jauh dari masjid itu.

Keadaan di dataran itu penuh sesak dengan orang ramai, ditambah lagi dengan orang ramai yang bersiar-siar di situ berikutan cuti hujung minggu, untuk menyaksikan persembahan kebudayaan sempena Pesta Malaysia '98, bagaimanapun keadaan adalah terkawal.

Di Dataran Merdeka, Dr Wan Azizah berucap dan membaca apa yang dipanggil "Ikrar Rakyat 20 September", yang antara lain meminta Dr Mahathir meletakkan jawatan.

Ucapan dan ikrar selama 10 minit itu bermula pada kira-kira pukul 7 malam, bagaimanapun Anwar tidak berucap dan anggota polis berkawal di sekitar Dataran Merdeka.

Seorang penyokong Anwar berkata, Anwar tidak dapat ke pentas kerana terhalang oleh orang ramai yang bersesak-sesak.

Beliau tidak kelihatan di pentas semasa Dr Wan Azizah berucap, sehinggalah perhimpunan itu bersurai pada pukul 7.10 malam.

Dari Dataran Merdeka, mereka berarak melalui Jalan Raja Laut menuju ke ibu pejabat Umno di Menara Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra.

Dari sana, sebahagian daripada mereka menuju pula ke Sri Perdana, iaitu kediaman rasmi Perdana Menteri di Jalan Damansara.

Mereka dihalang oleh anggota Pasukan Simpanan Persekutuan (FRU), yang menggunakan pancutan air dan gas pemedih mata untuk menyuraikan mereka.

-- BERNAMA

Team RI